

Pertahanan dasar bantu bumiputera

MM: 8/7/2007

KUALA LUMPUR 7 Julai - Malaysia adalah negara paling maju berbanding negara membangun lain, walaupun ia mengamalkan dasar yang memberi keistimewaan kepada bumiputera, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika mempertahankan dasar itu yang memberi keistimewaan kepada bumiputera dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, ekonomi dan peluang pekerjaan, Dr. Mahathir berkata sekiranya dasar itu digunakan secara adil dan bijaksana, ia boleh melahirkan hasil yang baik.

Katanya rakyat Malaysia bukan sahaja terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, tetapi juga berbeza daripada segi pencapaian ekonomi.

"Perbezaan dalam bidang ekonomi... jika dibiarkan berterusan, akan membawa kepada lebih banyak keburukan. Ketidakstabilan akan wujud. Perbezaan yang wujud selalunya mencetuskan ketegangan antara kumpulan, jika mereka terdiri daripada kaum yang sama. Sosialisme dan komunisme lahir kerana wujudnya perbezaan ekonomi... perasaan bahawa mereka ditipu oleh puak kapitalis," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam rancangan temubual televisyen terbitan British Broadcasting Corporation (BBC) hari ini apabila ditanya tentang dasar yang memberi keistimewaan kepada bumipu-

tera dan bagi mengulas kritikan ketua perwakilan Kesatuan Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel, tentang dasar itu.

Pada 21 Jun, Rommel dilaporkan berkata bahawa dasar berkenaan tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia dan menjadi penghalang kepada perjanjian perdagangan bebas kerana ia bersifat memberi perlindungan.

Berikutan itu, Rommel dipanggil ke Wisma Putra untuk memberi penjelasan dan dalam penjelasannya, Rommel berkata kenyataan beliau itu tidak bermaksud untuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

Mengenai keganasan dan prasangka terhadap umat Islam, Dr. Mahathir berkata Barat masih gagal menemui punca berlakunya keganasan bagi membolehkan mereka mengatasinya.

Katanya, punca utama masalah itu ialah kegagalan menyelesaikan masalah Palestin yang telah berlarutan sejak sekian lama.

"Mereka (Barat) memang suka membuat penafian"

"Anda boleh memeriksa 1.3 bilion orang Islam (jumlah umat Islam di dunia), tapi ia tidak akan membantu anda menghentikannya (keganasan) kerana mereka berasa marah... mereka rasa ditindas dan kerana masalah Palestin tidak ditangani," kata Dr Mahathir.